

## Perkembangan Kajian Berkaitan *Tafsir al-Azhar* (2012-2020)

**BITARA**Volume 4, Issue 3, 2021: 095-114  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## Development of Studies Related to *Tafsir al-Azhar* (2012-2020)

Muhammad Mukhlis Muhammad Yunus & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof<sup>1</sup>

### Abstrak

Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah yang tersohor gelarannya dengan HAMKA adalah seorang penulis dan tokoh pemikir yang terkenal dan telah dinobatkan sebagai Pahlawan Nasional Indonesia pada tahun 2011. Salah satu penulisan yang menjadi *magnum opus* adalah *Tafsir al-Azhar* yang merupakan sumbangan besar kepada dunia tafsir dalam bahasa Melayu. Justeru, kajian perkembangan terhadap pentafsirannya bertujuan membina profil yang terperinci mengenai data-data kajian para sarjana tentang HAMKA yang berfokus pada pentafsirannya. Dalam kajian ini, instrumen untuk membina profil tersebut dengan menggunakan laman sesawang *Mendeley Web*. Sesawang ini menjadi asas kajian ini disebabkan kekuatan, keabsahan dan antara sesawang yang paling berprestij yang selalu digunakan oleh para pengkaji sebagai bahan rujukan. Analisis profil ke atas karya HAMKA dan penulisan tentang beliau dikaji secara menyeluruh dan terutamanya kajian yang berfokus iaitu kajian tentang pentafsiran beliau melalui *Tafsir al-Azhar* sebagai asasnya, mengikut tahun yang disediakan oleh sesawang tersebut daripada tahun 2012-2020. Perbincangan tentang kajian HAMKA secara berfokus akan diklasifikasikan kepada lapan kluster iaitu kluster bahasa, akidah, ibadah, akhlak, politik, ekonomi, sosial dan metodologi. Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kajian berfokus tentang HAMKA dari tahun 2012-2016 kurang rancak berbanding tahun 2017-2020. Manakala kajian berfokus tentang HAMKA terbanyak berlaku pada tahun 2020 dan sosial merupakan kluster yang banyak mendapat perhatian oleh para pengkaji.

### Kata kunci:

HAMKA, Tafsir Al-Azhar, perkembangan, kajian tafsir, 2012-2021.

### Abstract

Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah who is famous for his title HAMKA, is a prominent writer and thinker and was named as the Indonesian National Hero in 2011. One of his writings that became magnum opus is *Tafsir al-Azhar*, which is a great contribution to the world of tafsir, in Malay language. Thus, the developmental study of his interpretation aims to construct a detailed profile of the scholar's research data on HAMKA that focuses on its interpretation. In this study, the Mendeley Web is used as instrument for constructing the profile. This website became the basis of the study due to its strength, validity and is one of the most prestigious websites and is commonly used by researchers as reference. The profile analysis of HAMKA's work and writings about him, are studied comprehensively and particularly a focused study, on his interpretation in *Tafsir al-Azhar* as a basis, according to the year provided by the website from the year 2012-2020. The discussion on the study

<sup>1</sup> Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jln Profesor Diraja Ungku Aziz, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur MALAYSIA.

### Corresponding Author:

Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jln Profesor Diraja Ungku Aziz, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur MALAYSIA.

\*e-mel: [zulkifli@um.edu.my](mailto:zulkifli@um.edu.my)

of HAMKA specifically, will be classified into eight clusters, namely language, faith, worship, morality, politics, economics, social and methodology. Based on the analysis conducted, the researcher found that the study focused on HAMKA from the year 2012-2016 was less vigorous compared to the year 2017-2020. Whereas the study focused on HAMKA was mostly occurred in the year 2020 and social is the cluster that received a lot of attention by researchers.

**Keywords:**

HAMKA, Tafsir Al-Azhar, development, tafsir study, 2012-2021.

**Cite This Article:**

Muhammad Mukhlis Muhammad Yunus & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof. 2021. Perkembangan kajian berkaitan tafsir al-Azhar (2012-2020). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 95-114.

## Pengenalan

Sekitar abad ke 20, muncul seorang ulama yang tersohor, seorang aktivis politik dan penulis Indonesia yang sangat produktif. Beliau adalah Haji Amrullah Abdul Karim Amrullah yang lebih mesra dipanggil dan dikenal dengan HAMKA atau Buya HAMKA. HAMKA adalah seorang yang bijak dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti falsafah, sastera, sejarah, sosiologi dan politik Islam mahupun Barat (Rouf et al., 2013) dan tafsir (Zawiyah Baba & Zuraidah Hassan, 2014: 93). H. Rushdi HAMKA menceritakan bahawa HAMKA bukan sahaja milik bangsa Indonesia tetapi juga kebanggaan bangsa-bangsa Asia Tenggara. Almarhum Tun Abdul Razak menyebut promovendus Prof. Dr. HAMKA sebagai seorang pujangga Islam yang menjadi kebanggaan semua rumpun Melayu (H. Rushdi Hamka, 2002: 17). Salah satu magnum opus karya beliau adalah tafsir al-Quran yang dinamakan Tafsir Al-Azhar dan pengaruhnya menjangkau hampir seluruh wilayah Asia Tenggara khususnya di Malaysia, Singapura, Brunei, Thailand, bahkan beliau merupakan salah seorang tokoh muslim berpengaruh di abad ke-20 (Muhammad Dwifajri, 2020: 1-9).

Ketokohan HAMKA sebagai penulis diakui ramai pihak terutamanya golongan akademik yang terdiri daripada penyelidik dan pensyarah institut pengajian tinggi. Hal tersebut dibuktikan dengan tersebarnya berbagai kajian yang dijalankan terhadap ketokohan HAMKA dari berbagai bidang termasuk dalam bidangan pentafsiran melalui kitabnya Tafsir Al-Azhar. Kepelbagaian seminar, jurnal, media yang diadakan dan gelaran sebagai 'Pahlawan Nasional Indonesia' pada tahun 2011 oleh kerajaan Indonesia menunjukkan HAMKA merupakan seorang tokoh yang memiliki pelbagai kelebihan. Selain itu, penulisan beliau juga mempunyai idea yang tulen, jujur dan ikhlas menyebabkan karyanya dapat bertahan dan masih digunakan sehingga hari ini. Peranannya dalam politik dan agama juga turut menyumbang kepada nilai tambah karyanya yang penuh dengan mesej berunsur nasihat dan bertunjangkan realiti sebenar kehidupan masyarakat (Zawiyah Baba & Zuraidah Hassan, 2014: 94). Dalam bidang tafsir contohnya pentafsiran yang ditulis di dalam Tafsir Al-Azhar dikenal dengan corak *al-adabi al-ijtima'i* (Menurut Muhammad Husain al-Dzahabi, tafsir yang bercorakkan *al-Adabi al-Ijtima'i* adalah corak yang menjelaskan ayat-ayat Al-Qur'an berdasarkan ketelitian ungkapan-ungkapan yang disusun dengan bahasa yang mudah dan menekankan tujuan pokok diturunkannya Al-Qur'an, kemudian mengaplikasikannya pada tatanan kehidupan sosial. Seperti pemecahan

permasalahan umat Islam dan bangsa pada umumnya, sejalan dengan perkembangan kehidupan sosial masyarakat. Sedangkan menurut Manna' Khalil al-Qattan Pentafsiran al-Adabi al-*Ijtima'i* adalah membentangkan ungkapan ayat-ayat al-Quran secara teliti, lalu menjelaskan makna-makna yang dimaksudkan oleh a-Qur'an dengan gaya bahasa yang indah dan menarik. Kemudian *mufassir* berusaha menghubungkan nas-nas al-Qur'an yang sedang dikaji dengan realiti sosial dan sistem budaya yang ada (al-Zahabi 1995, 2: 342; Qattan 2011, 482-488). mengikut metode *tahlili* merupakan pilihan HAMKA untuk menyelesaikan permasalahan umat melalui ayat-ayat al-Quran. Justeru, kajian yang dijalankan ini melalui analisis profil beliau daripada kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana dari berbagai bidang secara umumnya dan dari aspek kajian berfokus dalam pentafsirannya sebagaimana objektif kajian ini dijalankan.

Oleh itu, kajian yang dijalankan melalui analisis terhadap karya-karya HAMKA dan penulisan mengenai beliau mampu bertahan hingga ke hari ini dan telah diulang cetak beberapa kali. Karya HAMKA masih menjadi pilihan beberapa orang penerbit di Indonesia dan Malaysia yang terus menerbitkan karya HAMKA walaupun beliau telah meninggalkan kita selama 43 tahun (Zawiyah & Zuraidah, 2014: 94) terutamanya kajian berkaitan dengan Tafsir Al-Azhar.

## Metodologi Kajian

Kajian in menggunakan metodologi kualitatif dengan cara mengkaji dan melakukan analisis dokumen. Manakala kaedah analisis yang digunakan adalah analisis diskriptif dan pengkaji akan mengetengahkan analisis senarai kajian dari sesawang Mendeley Web. Dalam mencari kajian berfokus tentang HAMKA ini, pengkaji menggunakan dua kata kunci iaitu "HAMKA" dan "Tafsir Al-Azhar" dan limitasi tahun adalah dari tahun 2012-2020 sebagaimana yang disenaraikan oleh pihak sesawang tersebut. Kedua kata kunci ini ini menjawab beberapa persoalan, iaitu: Pertama, berapakah bilangan kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji terhadap HAMKA secara umumnya dan secara berfokus? Kedua, Apakah tema atau kluster pilihan dalam kajian terhadap HAMKA secara berfokus dan berapakah bilangannya untuk setiap kluster tersebut? Ketiga, Berapakah bilangan kajian yang telah dijalankan sepanjang sepuluh tahun tersebut dan tahun manakah yang paling banyak memuat kajian terhadap HAMKA secara berfokus?

Sepanjang tempoh 9 tahun sebagaimana yang disenaraikan oleh laman sesawang Mendeley Web sebanyak 829 kajian secara keseluruhan telah dipaparkan dengan pecahan seperti berikut: Kata kunci "HAMKA" sebanyak 699 kajian dan Kata kunci "Tafsir al-Azhar" berjumlah 130 kajian.

Manakala keseluruhan kajian secara umum yang relevan dengan kajian HAMKA sebanyak 336 kajian daripada 829 kajian yang disenaraikan oleh pihak laman sesawang tersebut. 336 jumlah kajian ini termasuk kajian terhadap HAMKA secara umum dalam berbagai topik, kajian yang berfokus bersama dan kajian berfokus personal. Kerana limitasi kajian ini menganalisis kajian terhadap HAMKA yang berfokus secara personal maka didapati jumlah kajian daripada aspek ini berjumlah 102 kajian dan ianya dapat dilihat melalui Jadual yang disediakan.

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengenali Buya HAMKA sebagai penulis dan pemikir dengan lebih dekat lagi melalui analisis kajian tentang beliau yang terdapat dalam koleksi laman sesawang Mendeley Web. Laman sesawang ini didapati antara yang terpenting dan berprestij yang memuat kajian berfokus tentang HAMKA yang diklasifikasikan kepada lapan tema atau kluster bagi memudahkan para pengkaji melihat berbagai topik kajian yang berada di bawah setiap kluster tersebut. Kajian ini dijalankan kerana ingin mencapai beberapa perkara iaitu:

1. Mengetahui bilangan kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji terhadap HAMKA secara umumnya dan secara berfokus, sama ada bersama dan personal.
2. Mengetahui kluster pilihan dalam kajian terhadap HAMKA berfokus secara personal dan bilangan topik yang dikaji pada setiap kluster.
3. Mengenal pasti bilangan kajian yang telah dijalankan sepanjang sepuluh tahun tersebut yang berdasarkan kepada kajian berfokus secara personal.
4. Melihat graf bilangan kajian terhadap HAMKA secara berfokus dalam bentuk personal.

## Kluster Pilihan dalam Kajian Berfokus Personal

Kajian berfokus personal tentang HAMKA yang dipaparkan oleh sesawang Mendely Web akan diklasifikasikan kepada lapan kluster iaitu kluster bahasa, akidah, ibadah, akhlak, politik, ekonomi, sosial dan metodologi.

### Kluster Tafsir Bertema Bahasa

Kajian tafsir bertema bahasa adalah untuk mengkaji kalimah dalam al-Quran dan kajian ini termasuk salah satu daripada bentuk tafsir *maudu'i* (Mustafa, 1989: 23). Tema bahasa yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah bahasa Arab yang menjadi bahasa al-Quran. Bahasa Arab tercipta daripada penulisan pheonix pada tahun ke 16 sebelum Masihi. Kemudian berkembang pesat apabila al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab (Mohd Zaki, 2007: 55). Perkembangan ini boleh dilihat melalui kajian tafsir tematik bertema bahasa. Malah tema ini merupakan antara tema yang popular dalam kajian tafsir *mawdu'i* (Ruzi & Ibrahim, 2020: 74). Kepelbagaian tajuk kajian tentang HAMKA yang bertema Bahasa Arab telah banyak dilakukan dan perinciannya seperti berikut:

Jadual: 1. Kluster Tafsir Bertema Bahasa

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
1	2020	Konsep Ulama Dalam Pandangan Mufassir Indonesia: Studi Aspek-Aspek Keindonesiaan Dan Metodologi Tafsir Al-Azhar Karya Hamka Dan Penafsirannya Terhadap Term "Ulama" Dalam Al-Qur'an	Fatih M.

2	2020	Cadar Dan Resepsi Al-Quran Pada Mahasiswi IAIN Madura: Analisis Pada Surah Al-Ahzab (33) Ayat 59 Dan Al-Nur (24) Ayat 31 Dalam Kitab Tafsir Al-Azhar	Falihah R.
3	2020	The Use Of Poetic Narratives In Hamka's Qur'anic Exegesis Books, Tafsir Al Azhar	Rahmad Hidayat Ihsan Nul Hakim, Agita Misriani, Sri Murti, Syafrimen Syafri, Faisal Faisal
4	2020	Amtsal Al-Quran Dan Faidah-Faidahnya (Kajian Q.S. Al-Baqarah Ayat 261)	Nursyamsu
5	2019	Nasikh Dan Mansukh Alquran Menurut Dr. Hamka	Ruslan
	2019	Interpretasi Hamka Tentang Ummatan Wasathan Dalam Tafsir Al-Azhar	Rauf A.
6	2018	Teologi Perkataan: Perkataan-Perkataan Yang Dicintai Dan Dibenci Oleh Allah Menurut Pandangan Hamka	Murtiningsih M.
8	2017	Tinjauan Al-Qur'an Terhadap Godaan Iblis Dan Setan Menurut Hamka Dalam Tafsir Al-Azhar	Heryadi H.
9	2016	Nuansa-Nuansa Sastra Dalam Tafsir Hamka	Wardah

## Kluster Tafsir Bertema Akidah

Akidah berasal daripada perkataan Bahasa Arab. Kamus arab mentakrifkan kalimah akidah sebagai keyakinan dan kepercayaan bukan sebuah amalan (Ruzi & Ibrahim, 2020:77). Setiap muslim keyakinannya adalah kepada akidah Islam. Asas akidah Islam terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu ketuhanan, kenabian dan sam'iyat. Asas ini berasal daripada rukun iman yang enam (Mustafa, 1992). Akidah Islam adalah sebuah akidah yang sederhana daripada dua pemikiran yang ekstrim (Yulianto & Baihaki, 2018). Kesederhanaan ini dapat diketahui melalui kajian dari al-Quran. Berikut merupakan perincian tajuk kajian tafsir yang bertema akidah sebagaimana yang disenaraikan oleh sesawang Mendeley Web:

Jadual: 2. Kluster Tafsir Bertema Akidah

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
1	2020	Tafsir Al-Azhar: Menyelami Kedalaman Tasawuf Hamka	Taufik Hidayat

2	2020	Konsep Kebahagiaan Dalam Tasawuf Modern Hamka	Arrasyid A.
3	2019	Makrifat Dalam Al-Qur'an Study Atas Tafsir Al-Azhar	Mustahele N.
4	2017	Pemikiran Dan Corak Tasawuf Hamka Dalam Tafsir Al-Azhar	Masrur Masrur
5	2013	Tafsir Al-Azhar Dan Tasawuf Menurut Hamka	Abdul Rouf Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff2

### Kluster Tafsir Bertema Ibadah

Perkataan ibadah berasal daripada perkataan arab yang bermaksud semua amalan manusia mukallaf yang diniatkan untuk mendekatkan diri kepada Allah (Ruzi & Ibrahim 2020:78). Kamus dewan bahasa pula mentakrifkan ibadah kepada bakti (khidmat) kepada Tuhan. Ibadah terbahagi kepada khusus dan umum. Ibadah khusus adalah ibadah yang diperintahkan dalam rukun Islam seperti solat, puasa, zakat dan haji. Semua amalan yang dilaksanakan kerana Allah dan berlandaskan syariat Islam adalah ibadah (Fathi Yakan, 2017). Dua perkara itu merupakan syarat penerimaan ibadah atau boleh juga disebut sebagai amal soleh. Pengkaji merangkumkan tajuk yang berkaitan ibadah khusus dan tuntutan dakwah di dalam tema ibadah serta yang berkaitan dengan selain daripada rukun Islam yang lima daripada hukum-hukum Allah. Sebaliknya ibadah umum lain akan dimasukkan ke dalam tema sosial. Tajuk kajian yang berada dalam tema ibadah yang membincangkan kajian terhadap HAMKA seperti:

Jadual: 3. Kluster Tafsir Bertema Ibadah

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
1	2020	Hamka, Social Criticism And The Practices Of Polygamy In Minangkabau	Herlambang S.
2	2019	Konstruksi Pernikahan Samara Perspektif Buya Hamka	Nurliana Nurliana
3	2019	Penerapan Hukum Allah: Studi Pribumisasi HAMKA Terhadap QS. Al-Ma'Idah: 44, 45, Dan 47 Dalam Tafsir Al-Azhar	Munawir M.
4	2019	Pembacaan Mubādalah Terhadap Penafsiran Hamka Tentang Poligami	Adam A. T.
5	2019	Pribumisasi Islam Dalam Tafsir Al-Azhar Pada QS. At-Taubah Ayat 60 Tentang Mustahiq Zakat	Ariandini R.
6	2018	Buya Hamka Dan Pandangannya Tentang Ijtihad	Wardana A.
7	2018	Aplikasi Maqasid Syariah Terhadap Pentafsiran Ayat Hukum Arak Dalam Tafsir Al-Azhar	Abdul Manas M. F. Abd Ghani A. R.

8	2018	Analisis Ayat Riba Dalam Tafsir Al-Azhar Karya Buya Hamka	Daud M. N AS A. S
9	2018	Metode Dakwah Menerusi Wacana Fiqh Ibadat Dalam Tafsir Al-Azhar	Md Isa M. Y. A.
10	2015	Metode Dakwah Dalam Al-Qur'an (Studi Penafsiran Hamka Terhadap QS. An-Nahl: 125)	Ismatulloh A. M.
11	2014	Fenomena Komunitas Berjilbab; antara Ketaatan dan Fashion	Pakuna H. B.

## Kluster Tafsir Bertema Akhlak

Akhlak berasal daripada kalimat Arab yang bermaksud budi pekerti, kelakuan dan tabiat (Kamus Dewan Edisi Keempat). Maka, semua perbincangan yang berkaitan dengan tingkah laku manusia akan di masukkan di bawa subtopik ini. Akhlak adalah perilaku dan untuk melahirkan akhlak mulia, pendidikan karakter perlu diberikan kepada manusia. (Sabar, 2010) Al-Quran mempunyai banyak formula dalam membentuk perilaku yang baik (Ruzi & Ibrahim, 2020: 81). Kajian terhadap HAMKA yang bertema akhlak ini akan memasukkan nilai-nilai spiritual dan yang berkaitan kerana nilai-nilai tersebut menjadi faktor utama dalam membina akhlak yang baik. Kajian tersebut adalah:

Jadual: 4: Kluster Tafsir Bertema Akhlak

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
1	2020	Pembentukan Akhlak Dalam Memanusiakan Manusia : Perspektif Buya Hamka	Abdul M. R., Rositawati T., Arif M.
2	2020	Agama, Modernitas Dan Mentalitas: Implikasi Konsep Qana'ah Hamka Terhadap Kesehatan Mental	Fabiar S. R.
3	2020	Transformation Of Hamka's Thought About Ethitical Values Through History Learning As A Reinforcement Of Character Education	Lestari D. P. Ningsih T. Z. Suryani N.
4	2020	Manajemen Akhlak Muslim Dalam Surah Al Isra` Ayat 23-39	Mulyadi M.
5	2020	Interaksi Edukatif Pendidikan Islam Perspektif Buya Hamka Menghadapi Era Society	El Iq Bali M. M. Chairunniza' C.
6	2020	Pendidikan Karakter Dalam Tasawuf Modern Hamka Dan Tasawuf Transformatif Kontemporer	Supriyadi S. Jannah M.
7	2020	Pendidikan Anak Perspektif Hamka (Kajian Q.S. Luqman/31: 12-19 Dalam Tafsir Al-Azhar)	Chaer M. T. Suud F. M.
8	2020	Pendidikan Karakter Perspektif Hamka	Azizi A. Hunainah

---

9	2019	Kepribadian Guru Pendidikan Agama Islam Menurut Buya Hamka.	Hamidah L. Siregar S. Nuraini N
10	2019	Integrasi Komunikatif Pendidikan Islam Muhammad Iqbal Dan Hamka	Zubaidah A.
11	2019	The Construction Of Morality Educational Concept (Analysis Of Thinking Hamka)	Bahrudin M.
12	2018	Kepribadian Dalam Perspektif Hamka	Subhi M. R
13	2018	Refleksi Pemikiran Hamka Tentang Metode Mendapatkan Kebahagiaan	Fuadi F.
14	2018	Konsep Pendidikan Islam Bagi Remaja Perspektif Qur'an Surat Yusuf Ayat 23-29 (Kajian Tafsir Al Azhar)	Siti Lailiyah
15	2018	Konsep Pendidikan Jasmani Dalam Perspektif Hamka	Rokim R.
16	2018	Pendidikan Perempuan Dalam Pandangan Hamka	Afrianto H.
17	2018	Sinergi Hubungan Pendidikan Akal, Hati Dan Jasmani Dalam Perspektif Hamka	Rokim R.
18	2018	Prinsip Pendidikan Nilai Tafsir al-Azhar	Syarif H A.
19	2018	Pendidikan Keluarga Menurut Hamka Dan Relevansinya Dengan Pendidikan Kontemporer (Telaah Tafsir Al-Azhar)	Leni Ninik Susanti Qolbi Khoiri H. N. A.
20	2017	Konsep Pendidikan Anak Dalam Pengembangan Akhlak Perspektif Hamka	Nufus H.
21	2017	Konsep Pendidikan Jasmani, Akal Dan Hati Dalam Perspektif Hamka	Rochim
22	2017	Hubungan Pendidik Dan Terdidik Dalam Al-Quran	Fatihah N. Nadjih D.
23	2017	Konsep Pendidikan Akhlak Bagi Peserta Didik Menurut Pemikiran Prof. Dr. Hamka	Hidayat N.
24	2017	Construction Of Indonesian Cultural Thoughts In Tafsir Al-Azhar As Hamka's Teaching Practice; Text Analysis Using George Herbert Mead Communication Theory	Putra Ahmad
25	2017	Kontribusi Tafsir Al-Azhar Terhadap Nilai-Nilai Pendidikan Islam (Kajian QS Al-Isra' Ayat 22-39)	Yunita N.
26	2015	Tazkiyatun Nafs In Classical And Modern Islamic Tradition Qur'anic Worldview	Dwijayanti B.
27	2015	Konsep Motivasi Dalam Al-Qur'an Surah Yusuf Ayat 87 Dan Surah Ali-Imran Ayat 139 Serta Relevansinya Dengan Bimbingan Dan Konseling Islam	Arib Sodikin

---



## Kluster Tafsir Bertema Politik

Perkataan politik merujuk kepada ilmu serta segala sesuatu berkenaan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain (Kamus Dewan Edisi Keempat). Tambah Haw Lim Seng (2009) politik merupakan penggubalan polisi untuk kesejahteraan rakyat serta kaedah pemerintah untuk memenangi hati rakyat (Ruzi & Ibrahim 2020: 81). Pengkaji juga menyenaraikan beberapa tema seputar politik seperti kepemimpinan, isu kenegaraan dan sebagainya. Berikut merupakan tema-tema politik yang telah dikaji oleh para sarjana terhadap HAMKA:

Jadual: 5. Kluster Tafsir Bertema Politik

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
1	2020	Ulama and Politics in Indonesia in the Perspective of Hamka	Herdiawanto H. Subekti V. Adriansyah Y.
2	2019	Dakwah Hamka Menjawab Isu-Isu Kenegaraan dalam Tafsir Al-Azhar	Sukir A.
3	2019	Kepemimpinan Non-Muslim dalam Tafsir Al Azhar Karya Buya Hamka	Imron al Faruq & Suharjianto Suhuf
4	2018	Metode Dakwah Hamka Dalam Memilih Pemimpin: Studi Penafsiran Surat Al-Mā'idah/5 ayat 51 dalam Tafsir Al-Azhar	Luthfi
5	2018	Politik Global dan Wacana Etika Religius: Antara Tabatabai dan Hamka	Hidayat P
6	2018	Penciptaan Nabi Adam As sebagai Khalifah dalam Tafsir Al-Azhar (Study Tafsir Hamka)	Dahlia S. R.
7	2018	Islam and the state: Political thought contextualisation of Hamka (Haji Abdul Malik Karim Amrullah), on the state, religion and morality in Indonesia	Herdiawanto H.
8	2017	Pemimpin Non Muslim Dalam Pandangan Hamka (kajian Tafsir al-Azhar)	Muttaqin Al-Dzikra (2017)
9	2015	Pemimpin Menurut Pandangan Hamka: Satu Tinjauan Dalam Tafsir Al-Azhar	Mohd Yusoff Z., Abdullah A. H.
10	2012	De-Radicalization Of Intepretation The Concept Of Nation And Jihad In Tafsir Al-Azhar	Sidik S.

## Kluster Tafsir Bertema Ekonomi

Ekonomi menurut istilah dari kamus pelajar edisi kedua adalah ilmu yang berkaitan tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta

masalah- masalah kewangan yang bersangkutan dengannya. Namun begitu, Basri (2004) bersetuju untuk menggunakan istilah *iqtisad* bagi pengertian ekonomi menurut Islam kerana istilah tersebut membawa nilai dan makna yang berbeza (Ruzi & Ibrahim, 2020: 82). Dalam kajian ini, pengkaji hanya berfokus untuk mengumpulkan kajian terhadap HAMKA seputar ekonomi tanpa menyentuh tentang istilahnya. Kepentingan kajian ekonomi berasaskan al-Quran ini telah diperakui oleh pihak Vatikan dan berpendapat bahawa ekonomi Islam merupakan penyelesaian masalah yang wujud (Ismail 2015). Justeru, sumber utama kajian mengenainya mesti merujuk kepada al-Quran. Kajian tafsir terhadap HAMKA yang bertema ekonomi sebagai berikut:

Jadual 6: Kluster Tafsir Bertema Ekonomi

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
1	2020	Studi Analisis Ayat-Ayat Wakaf Dalam Tafsir Al-Azhar	Rajuli A. D. Hafidhuddin D. Tanjung H.

## Kluster Tafsir Bertema Sosial

Segala hal yang berkaitan kemasyarakatan adalah disebut sosial. Isu sosial amat luas kerana merangkumi segenap hal kehidupan manusia sehari-hari. Antara perkara yang bersangkutan dengan perkara harian manusia adalah berkenaan kebaikan, pendidikan, kesihatan, pembangunan serta masalah yang berlaku di dalam sesuatu masyarakat. Pelbagai kaedah dikaji bagi menyelesaikan masalah sosial antaranya perlu memikirkan kesan kepada masalah sebelum melakukan sesuatu. Menggunakan formula daripada al-Quran merupakan ubat mujarab bagi mengatasi masalah sosial seperti kajian kes yang dilakukan oleh Sahlawati et. al. (2017) (Ruzi & Ibrahim, 2020: 83). Berdasarkan keluasan pembahasan mengenai sosial, pengkaji akan memasukkan kajian yang membahas berkenaan dengan gender dan juga sains. Kajian sains dimasukkan di dalam kajian sosial kerana keterlibatan dan hubungan di antara manusia dan sains. Dalam Kamus Dewan, sains adalah ilmu pengetahuan yang teratur (sistematik) yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya, dan hal ini perlu melibatkan manusia yang dikurniakan akal untuk berfikir. Oleh sebab itu, melihat dan mengamati, menggunakan fikiran kritik, dan penalaran yang rasional maka kita akan memperoleh sains (Sains adalah konsensus yang tercapai di antara para pakar sebagai kesimpulan penalaran secara rasional atas hasil pemikiran dan analisis yang kritik terhadap data data yang dikumpulkan dari pengukuran besar-besaran sepertimana yang terdapat di dalam surah al-Qamar ayat 49, al-Nahl ayat 11-12, pada observasi gejala-gejala alamiah. Bahkan terdapat hubungan antara kehidupan material dan spiritual seseorang dengan kehidupan materialistiknya. Oleh sebab itu, agama dan sains merupakan dua penyusun dasar kemanusiaan manusia. (Baiquni, 1996: 7, Mutahhari, 1986: 70-73). Bahkan hubungan manusia dengan sains tidak sebatas dari aspek material tetapi lebih jauh lagi iaitu hubungannya dengan keimanan. Sains memberi kita kekuatan dan pencerahan serta keimanan, memberi cinta dan harapan. Sains menciptakan teknologi dan keimanan menciptakan tujuan. Sains memberi kita momentum dan keimanan menciptakan kita arah. Sains

menunjukkan kepada tentang apa yang ada di sana, sedangkan keimanan mengilhami kita apa yang mesti kita kerjakan. Sains adalah revolusi eksternal dan keimanan adalah revolusi internal. Sains menjadikan dunia tampak ramah bagi manusia, sedangkan keimanan mengungkit ruh manusia. Sains memperluas manusia secara horizontal dan keimanan meningkatkannya secara vertikal. Sains membentuk kembali alam dan keimanan mencetak manusia. Sama ada sains mahupun keimanan memberi kekuatan kepada kemanusiaan. Yang diberikan sains kepada kemanusiaan adalah kekuatan yang lepas, sedangkan keimanan memberinya kekuatan yang kukuh. Sama ada keimanan mahupun sains adalah keindahan. Sains adalah keindahan dan kebijaksanaan manakala keimanan adalah ruh. Sains dan keimanan memberi manusia kepastian atau penawar bagi kegelisahan, kesepian dan tidak berdaya. Sains menyelaraskan manusia dengan diri.”) sebagai hasilnya (Syafaruddin 2013:176). Berikut adalah kajian terhadap HAMKA daripada aspek sosial:

Jadual: 7. Kluster Tafsir Bertema Sosial

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
1	2020	Penafsiran Hamka Tentang Ayat Kemajemukan Dalam Tafsir Al-Azhar	Muwaffaq M. M.
2	2020	The Locality Of Tafsîr Al-Azhâr Hamka: An Analitical Study Of Surah Âli ‘Imrân Interpretation	Badruzaman A. Aziz T.
3	2020	Tafsir Nusantara Dan Isu-Isu Global: Studi Kasus Relevansi Pemikiran Hamka Tentang Keadilan Sosial, Kesetaraan Gender Dan Pluralisme	Aziz T. Abidin A. Z. Nafiah M.
4	2020	Quranic Exegesis As Social Criticism: The Case Of Tafsîr Al-Azhâr	Daud I.
5	2020	Transformasi Sosial Qur'anik Dalam Tafsir Al Azhar	Jamiluddin A.
6	2020	Local Wisdom And Cultural Values In Al-Azhar Tafsir	Anwar H. Nasution M. R. Zamzami Siregar M. D.
7	2020	Quranic Exegesis As Social Criticism: The Case Of Tafsîr Al-Azhâr	Daud I.
8	2020	The Influence Of Food And Beverages In Human Life According To Buya Hamka (Analysis Study Of Tafsir Al-Azhar)	Fuady R. J. Akmaliah A.
9	2020	Konsep Tabayyun Menurut Buya HAMKA Dan Implementasinya Pada Praktikum Kimia Di Rumah (Studi Kasus Berita Hoaks COVID-19)	Prastyo B. Ashari M. A. Marhan M
10	2019	Buya Hamka (Suatu Analisis Sosial Terhadap Kitab tafsir Al-Azhar)	Musyarif

- |    |      |  |  |
|----|------|--|--|
| 11 | 2019 | Interpretasi Hamka Tentang Ummatan Wasathan Dalam Tafsir Al-Azhar                                      | Rauf A   |
| 12 | 2019 | The Prospect Of Human In The Exegetical Work: A Study Of Buya Hamka's Tafsir Al-Azhar                  | Jamarudin A.<br>May A.<br>Pudin O. C.  |
| 13 | 2019 | Strategi Pengentasan Kemiskinan Dalam Al Quran Menurut Tafsir Al Azhar Karya Buya Hamka                | Goleman,<br>Daniel;Boyatzis,<br>Richard; Mckee A.  |
| 14 | 2019 | Personality Counselor Perspective Buya Hamka (Study Of Interpretation Of Al-Azhar Verses Advice)       | Syariful S.  |
| 15 | 2018 | Hamka Dan Tafsir Harmonisasi Keislaman Dan Keindonesiaan   | Rahmanto M.  |
| 16 | 2018 | Sosio-Kultural Tafsir Al-Qur'an Melayu Nusantara: Kajian Atas Tafsir Al-Azhar Karya Hamka              | Halimatussa'diyah<br>H.<br>Apriyanti A.  |
| 17 | 2018 | Defamation By Women Mentioned In Surah Yusuf According To Hamka: A Review                              | Noor M. N. M.<br>Hamzah M. S.  |
| 18 | 2017 | Sosial Politik Dalam Tafsir Hamka  | Wahid A.   |
| 19 | 2017 | The Qur'anic Exegesis, Reformism, And Women In Twentieth Century Indonesia                             | Norbani B. Ismail  |
| 20 | 2017 | ملاحح الاتجاه الأدبي الاجتماعي في تفسير الأزرهر للعلامة الحاج عبد الملك كريم أمر الله                  | Hadi S.  |
| 21 | 2017 | Tafsir Al-Qur'an & Dinamika Sosial Politik (Studi Terhadap Tafsir Al-Azhar Karya Hamka)                | A.Shomad B   |
| 22 | 2017 | The Approach Of Interpretation Implemented By Hamka In Tafsir Al-Azhar Based On Scientific Exegesis.   | Sharifah Norshah<br>Bani bt Syed Bidin,<br>Wan Helmy<br>Shahriman Wan<br>Ahmad, Kamarul<br>Shukri Bin Mat The,<br>Mohd Ariff Nafizi<br>Ibrahim |
| 23 | 2016 | Nilai-Nilai Pendidikan Multikultural dalam Al-Qur'an: Kajian terhadap Tafsir Al-Azhar Karya Buya HAMKA | Firman F.  |
| 24 | 2016 | Teologi Perempuan Dalam Tafsir Al-Quran: Perspektif Pemikiran Hamka                                    | Maulana L.   |
| 25 | 2016 | kesetaraan Gender Dalam Pendidikan Islam (Studi Pemikiran Pendidikan Hamka Dalam Tafsir Al-Azhar)      | Juono R.   |
| 26 | 2016 | Pengaruh Makanan Dalam Kehidupan Manusia : Studi Terhadap Tafsir Al Azhar                              | Mulizar M.   |

27	2016	Studi Tafsir Saintifik: Al-Jawahir Fi Tafsir Al-Qur'an Al-Karim Karya Syeikh Tantawi Jauhari	Armainingsih A.
28	2014	Membangun Damai Melalui Mediasi: Studi Terhadap Pemikiran Hamka Dalam Tafsir Al-Azhar	Taufiq I.
29	2013	Tafsir Al-Qur'an & Dinamika Sosial Politik (Studi Terhadap Tafsir Al-Azhar Karya Hamka)	A.Shomad B.

## Kluster Tafsir Bertema Metodologi

Dalam Kamus Dewan, metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Dalam Bahasa Arab disebut juga dengan al-Manhaj. Terdapat beberapa pendapat ulama berkenaan dengan pengertian al-manhaj (Mohd Yakub & Mukhlis, 2021: 2-4). Fahd al-Rumiy berpendapat bahawa al-Manhaj adalah jalan yang membawa kepada objektif yang dirancang (Fahd 'Abd al-Rahman, 2013: 69). Al-Syeikh Talal al-Hasan mengatakan bahawa al-manhaj adalah cara yang digunakan untuk pendalilan bagi mengukuhkan sesuatu yang dicari. Ia juga bermaksud himpunan pelbagai kaedah dan parameter yang membawa kepada beberapa natijah yang tepat, seandainya tidak ada kesilapan dalam menggunakannya (Al-Syeikh Talal al-Hasan, t.t: 25). Daripada aspek tafsir contohnya, Muhammad Bakr Isma'il mengatakan bahawa al-manhaj adalah panduan yang diikuti oleh seorang mufasir dalam menerangkan makna yang pelbagai, melakukan istinbat daripada lafaz-lafaz dan mengikat sebahagian dengan sebahagian lain, menyatakan pelbagai athar pada keduanya, menzahirkan sesuatu yang dibawahnya daripada pelbagai makud dan hukum-hakam serta nilai-nilai agama (Muhammad Bakr Isma'il, 1991:31). Terlepas daripada beragam pengertian maksud metodologi ataupun al-manhaj, yang dimaksud oleh pengkaji di sini adalah pembahasan metodologi atau al-manhaj atau karakteristik pentafsiran HAMKA terhadap ayat-ayat al-Quran yang telah dilakukan oleh para sarjana. Berikut adalah kajian tersebut.

Jadual: 8. Kluster Tafsir aspek Metodologi

Bil	Tahun	Tajuk	Pengkaji
1	2019	Tafsir Al-Azhar Karya Hamka (Metode Dan Corak Penafsirannya)	Umar R.
2	2019	Khosois Al-Haj 'Abd Al-Malik Ibn Karim Amrullah (HAMKA) Al-Adabiyah Fi Riwayah 'Adalah Ilahiyah	Mahdi R.
3	2018	Metodologi Tafsir Kontekstual Al-Azhar Karya Buya Hamka	Hidayati H.
4	2018	A Critical Discourse Analysis Dalam Kajian Tafsir Alquran: Studi Tafsir Al-Azhar Karya Hamka	Munawan M.

5	2018	Hermeneutika Al Quran Tafsir Al-Azhar (Analisi Hermeneutis Ayat-Ayat Akidah Dan Ibadah)	Rahman P.
6	2018	The Ijtima'i Methodological Approach: A Review On Economic Verses In Tafsir Al-Azhar By Hamka (1908-1981)	Usman A. H. Ibrahim M. Kadir M. N. A.
7	2017	Metode Penafsiran Buya Hamka Dalam Tafsir Al-Azhar	Alfiyah A.
8	2017	Metodologi Pentafsiran Aliran Fiqh: Kajian Terhadap Ayat-Ayat Hukum Ibadat Dalam Tafsir Al-Azhar Muhammad	Isa M. Y. A. B. M.
9	2017	Metodologi Pentafsiran Dan Perspektif Hamka Berhubung Ayat-Ayat Hukum Ibadat	Muhammmad Yusry Affandy
10	2014	Pengaruh Tafsîr Al-Manâr Terhadap Tafsir Al-Azhar	Syafi'i A. M.

## Analisis Kajian

Kata Kunci yang digunakan oleh pengkaji dalam mencari kajian terhadap tafsir HAMKA dalam sesawang Mendeley Web diklasifikasikan kepada dua iaitu "HAMKA" dan "Tafsir al-Azhar." Kedua-dua kata kunci ini memadai untuk mengetahui bilangan kajian terhadap HAMKA yang berfokus seputar pentafsirannya dalam buku al-Azhar. Pengkaji tidak menggunakan kata kunci lainnya kerana mendapati terdapat banyak pengulangan topik kajian ketika menggunakan kedua kata kunci tersebut dalam sesawang Mendeley Web. Selepas menggunakan kedua kata kunci tersebut, pengkaji mendapati sesawang Mendeley Web hanya memaparkan tahun kajian yang dimulakan daripada tahun 2012 hingga 2020. Justeru, limitasi tahun yang menjadi objek pencarian untuk mengetahui perkembangan kajian tafsir terhadap HAMKA sebatas tahun yang telah dipaparkan oleh sesawang mendelay Web.

Daripada tahun 2012-2020 yang dipaparkan oleh Mendeley, kajian yang menggunakan kata kunci "HAMKA" menyenaraikan secara keseluruhannya berjumlah 699 kajian. Daripada jumlah tersebut kajian yang terbanyak yang dilakukan oleh para sarjana tentang HAMKA sebanyak 141 kajian pada tahun 2019, diikuti pada tahun 2020 sebanyak 132 kajian dan pada tahun 2018 sebanyak 129 kajian dan seterusnya. Perinciannya sebagai berikut:

Jadual 9. Kajian terbanyak mengikut tahun dengan kata kuci "HAMKA"

Kata Kunci	Tahun Kajian	Jumlah Kajian
"HAMKA"	2019	141
	2020	132
	2018	129
	2017	93
	2016	72
	2015	47

	2013	42
	2014	35
	2012	11
Jumlah keseluruhan kajian		699 Kajian

Manakala kata kunci “Tafsir al-Azhar” sesawang Mendeley Web telah menyenaraikan 130 kajian. Mengikut tahun, kajian yang terbanyak yang dilakukan oleh para sarjana adalah pada tahun 2017 dengan jumlah kajian 30, diikuti tahun 2018 yang berjumlah 26 kajian dan tahun 2019 dengan jumlah kajian 22. Berikut perinciannya:

Jadual: 10. Kajian terbanyak mengikut tahun dengan kata kunci “Tafsir al-Azhar”

Kata Kunci	Tahun Kajian	Jumlah Kajian
“Tafsir al-Azhar”	2017	30
	2018	26
	2019	22
	2020	21
	2016	10
	2014	8
	2013	6
	2015	4,
	2012	3
Jumlah Keseluruhan Kajian		130 Kajian

Daripada kedua-dua kata kunci tersebut kajian yang dipaparkan oleh Mendeley Web sebanyak 829 kajian. Daripada jumlah tersebut, pengkaji telah membuat tapisan untuk memastikan jumlah yang relevan dengan kajian tentang HAMKA. Dalam hal ini, pengkaji telah mengklasifikasikan kepada dua, iaitu kajian yang relevan dan berhubungan dengan HAMKA secara umum dan secara khusus. Secara umum bermaksud kajian yang dilakukan kepada HAMKA mengikut kepelbagaian topik. Manakala secara khusus adalah kajian yang dilakukan oleh para sarjana kepada HAMKA yang berkaitan dengan kitab tafsirnya al-Azhar. Selepas membuat tapisan, maka didapati daripada 829 kajian didapati hanya 336 kajian yang relevan secara umum. Pecahannya, kajian dengan kata kunci “HAMKA” sebanyak 219 kajian dan kajian dengan kata kunci “Tafsir al-Azhar” sebanyak 117 kajian. Manakala jumlah kajian berfokus personal berjumlah 102 daripada 336 kajian tersebut.

Jadual 11. Hasil kajian secara umum dan khusus terhadap HAMKA

Kata Kunci	Keseluruhan Kajian	Relevan	
		Secara Umum	Secara berfokus
“HAMKA”	699 kajian	219 kajian	
“Tafsir al-Azhar	130 kajian	117 kajian	102 kajian
Jumlah	829 kajian	336 kajian	

Jumlah kajian dengan menggabungkan kedua-dua kata kunci iaitu “HAMKA” dan “Tafsir al-Azhar” mengikut urutan tahun, maka didapati bahawa kajian terhadap HAMKA terus meningkat daripada tahun ke tahun secara keseluruhannya walaupun kadang-kala ada penurunan sedikit pada tahun-tahun tertentu seperti pada tahun 2014 menurun berbanding tahun 2013 dan pada tahun 2020 menurun berbanding tahun 2019. Perkara ini biasa dalam sebuah kajian, lagipun nisbah penurunan tersebut amat sedikit berbanding kenaikannya. Manakala kajian 2021 belum lagi dapat dikatakan secara final kerana ianya masih belum berakhir sehingga pengkaji tidak mengambil kira dalam hitungan jumlah kajian. Justeru pertanyaannya, apakah kajian terhadap HAMKA akan bertambah pada tahun 2021 daripada tahun-tahun sebelumnya atautah kajian terhadapnya semankin berkurang? Di sinilah peranan para pengkaji untuk memaksimumkan kajian tentang HAMKA perlu lagi dipergiatkan terutamanya kajian berfokus iaitu yang membincangkan secara langsung berkenaan pentafsiran beliau dalam tafsir al-Azhar.

Gambaran perkembangan kajian yang berkenaan dengan HAMKA sebagaimana yang dipaparkan oleh Mendeley Web dapat dilihat daripada jadual di bawah ini:

Jadual: 12. Jumlah Kajian Secara Keseluruhannya Mengikut Urutan Tahun

Tahun Kajian	Kata Kunci Kajian		Jumlah Kajian
	“HAMKA”	“Tafsir Al-Azhar”	
2012	11	3	14
2013	42	6	50
2014	35	8	43
2015	47	4	51
2016	72	10	82
2017	93	30	123
2018	128	26	145
2019	141	22	163
2020	132	21	153
Jumlah kajian	699	130	829/824

Hasil dapatan kajian yang menjelaskan jumlah 102 dari 336 yang relevan secara khusus merupakan hasil keseluruhan dari lapan kluster yang telah dibahagikan dan daripada kelapan-lapan kluster tersebut, kluster yang mempunyai ranking tertinggi dalam kajian adalah yang bertema sosial iaitu sebanyak 31 kajian, diikuti 28 kajian untuk kluster Akhlak, 11 kajian untuk kluster ibadah dan politik, 10 kajian untuk kluster metodologi, 9 kajian untuk kluster Bahasa, 5 kajian untuk akidah dan 2 kajian untuk kluster ekonomi. Berikut perincian jumlah kajian bagi setiap kluster.



Jadual 13. Kluster, Tema Dan Jumlah Kajian

Kluster	Tema	Jumlah Kajian
Pertama	Bahasa	9
Kedua	Akidah	5
Ketiga	Ibadah	11
Keempat	Akhlak	27
Kelima	Politik	10
Keenam	Ekonomi	1
Kluster Ketujuh	Sosial	29
Kluster Kelapan	Metodologi	10
Jumlah		103

Manakala mengikut tahun kajian yang bermula dari tahun 2012 hingga 2020 yang berasaskan kepada kluster ataupun tema mendapati bahawa kluster sosial merupakan aspek yang paling banyak dianalisis oleh para pengkaji. Dan hal ini tidak menghairankan kerana tafsir al-Azhar termasuk dalam kategori corak *al-Adabi al-Ijtima'i* yang menggunakan metode tahlili. Kecenderungan corak tafsir al-Azhar ini disebabkan oleh pengaruh pentafsiran Muhammad Abduh dan Rasyed Reda (Abdul Manan Syafi'i, 2014: 226) yang bercorakkan al-Adabi al-ijtima'i yang merupakan pelopor bagi corak ini. (Musyarif, 2019: 22)

Mengikut tahun, kajian yang banyak dibahas oleh para sarjana adalah pada tahun 2020 berbanding tahun lainnya yang berjumlah 26 kajian, seterusnya pada tahun 2018, 2019 dan 2017. Hal ini dapat dilihat dari jadual di bawah ini:


Jadual 14. Bilangan kajian berfokus personal mengikut tahun

Kluster Tahun	Bahasa	Akidah	Ibadah	Akhlak	Politik	Ekonomi	Sosial	Metodologi	Jumlah Kajian
2012	—	—	—	—	1	—	—	—	1
2013	—	1	—	—	—	—	1	—	2
2014	—	—	1	—	—	—	1	1	3
2015	—	—	1	2	1	—	—	—	4
2016	1	—	—	—	—	—	5	—	6
2017	1	1	—	6	1	—	5	3	17
2018	1	—	4	8	4	—	3	4	24
2019	2	1	4	3	2	—	5	2	19
2020	4	2	1	8	1	1	9	—	26
Jumlah	9	5	11	27	10	1	29	10	102

Jadual di atas membuktikan bahawa lima tahun sebelumnya, kajian terhadap pentafsiran HAMKA melalui tafsirnya al-Azhar secara langsung tidak memberasangkan dan kelihatan lesu walaupun setelah 42 tahun meninggal dunia dan setelah 73 tahun dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai penulis. Namun tidak pada lima tahun terakhir di mana perkembangan kajian terhadap HAMKA secara berfokus personal sangat rancak dan

berkembang pesat, kecuali pada tahun 2021 yang belum menutup tirainya dan pengkaji tidak memasukkannya dalam kiraan jumlah kajian. Permasalahannya, benarkah lima tahun sebelumnya, kajian terhadap pentafsiran HAMKA menerusi tafsirnya tidak berkembang? Adakah senarai kajian pada masa tersebut yang dimuat dalam sesawang Mendeley Web menggambarkan keadaan kajian yang sesungguhnya? Jikalau merujuk kepada data atau sesawang lainnya yang memberikan gambaran sebaliknya, maka pertanyaannya apakah parameter pihak Mendeley dalam menyenaraikan kajian-kajian yang berkaitan dengan pentafsiran HAMKA terlalu ketat sehingga membawa impak kelesuan kajian beliau pada lima tahun tersebut? Hakikatnya berdasarkan Jadual di atas, kelesuan kajian pada lima tahun sebelum sememangnya berlaku mengikut apa yang dimuat oleh laman sesawang Mendelay Web sebagaimana kerancangan perkembangan kajian lima tahun terakhir. Jika gambaran tersebut tidak menunjukkan keadaan sebaliknya maka ianya peluang bagi para pengkaji lain untuk menganalisis dan membincangkannya.

Jadual 14: Bilangan kajian berfokus personal mengikut tahun



## Kesimpulan

Bilangan keseluruhan bagi sembilan tahun terakhir ini yang bermula dari tahun 2012 hingga 2020 adalah sebanyak 829 kajian. Jumlah ini mengikut pengiraan semula pengkaji berdasarkan tahun dan bilangan tahun ini bukan berdasarkan pengiraan mengikut laman sesawang Mendeley Web. Bilangan tersebut hasil daripada dua kata kunci pencarian kajian iaitu “HAMKA” dan “Tafsir al-Azhar”. Kajian yang relevan atau yang berkaitan dengan kajian HAMKA secara menyeluruh berjumlah 336 kajian. Jumlah kajian ini mencakupi tiga klasifikasi: Pertama, kajian secara umum terhadap HAMKA. Kedua, kajian berfokus Bersama, dan ketiga adalah kajian berfokus personal. Klasifikasi yang ketiga ini menjadi tumpuan pengkaji dan mendapati sebanyak 102 kajian berfokus personal. Perkembangan kajian secara berfokus ini penting untuk disoroti dan dianalisis agar para sarjana sedar apakah kajian tentang HAMKA semakin rancak atau semakin menurun. Jika perkembangan kajian ini semakin bertambah dari semasa ke semasa, tahun ke tahun, ia menunjukkan para sarjana berusaha menjadikan al-Azhar sebagai sumber kajian dan ia sangat tepat kerana al-Azhar adalah kitab tafsir yang bercorakkan *al-adabi al-ijtima’i*. Tafsir ini sebagaimana yang diketahui bertujuan untuk menjadikan al-Quran sebagai solusi bagi permasalahan umat dan masyarakat, terutamanya masyarakat yang berbilang kaum seperti Indonesia, Malaysia, Brunei dan lain-lainnya. Begitu juga, kajian ini memberikan satu panduan melihat keadaan aktiviti kajian tentang HAMKA pada setiap tahun dan ianya penting bagi para sarjana berterusan menerokai bidang-bidang tertentu yang belum disentuh oleh para sarjana lepas yang berkaitan langsung dengan tafsir al-Azhar. Dengan begitu, kitab tafsir al-Azhar masih relevan untuk dikaji walaupun telah meninggalkan kita selama 43 tahun.

## Rujukan

- Abdul Manan Syafi’i. (2014). Pengaruh Tafsîr Al-Manâr Terhadap Tafsir Al-Azhar. *MIQOT*, 18(2), 263–275.
- Dwifajri, M. (2020). Teologi Filantropi Perspektif Buya Hamka. *Orphanet Journal of Rare Diseases*, 21(1), 1–9. <https://doi.org/10.22236/alurban>
- Fahd ’Abd al-Rahman bin Sulaiman al-Rumi. (2013). *Usul al-Tafsir wa Manahijuh*. Jami’ah al-Milik Su’ud.
- H. Rushdi Hamka. (2002). *Hamka Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu Menatap Peribadi dan Martabatnya*. Pustaka Dini.
- al-Hasan, al-Syeikh Talal. (n.d.). *Manahij Tafsir al-Quran min Abhath Samahah al-Marja’ al-Diniy al-Sayed Kamal al-haydry*.
- Mohd Yakub & Mukhlis. (2021). *Aliran Klasik dan Aliran Modern Moden dalam Pengajian Tafsir* (S. A. Khader Ahmad (ed.); 1st ed.). Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Zaki, A. R. (2007). . Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Tulisan Arab. *Journal of Tamaddun*, 2, 55–56.
- Muhammad Bakr Isma’il. (1991). *Ibn Jarir al-Tabariy: Manahij fi al-Tafsir*. Dar Ilmiyyah
- Mustafa, A. R. (1992). *Hadith Empat Puluh Terjemahan dan Syarahnya*. Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa Muslim. (1989). *Mabahith fi at-Tafsir al-Mawdu’iy*. Darul Qalam.
- Musyarif. (2019). Buya Hamka : Suatu Analisis Sosial terhadap Kitab Tafsir Al- Azhar. *Al-Ma’ Arief: Jurnal Pendidikan Sosial Dan Budaya*, 1(1), 21–31.

- al-Qattan, M. bin K. (2011). *Mabahith fi 'Ulum al-Quran* (3rd ed.). Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Rouf, A., Yakub, M., & Mohd, Z. (2013). Tafsir al-Azhar dan Tasawuf Menurut Hamka. *Jurnal Usuluddin*, Julai-Dise(38), 1–30.
- Ruzi, N., & Ibrahim, M. (2020). Perkembangan Kajian Tafsir Mawdu'i di Malaysia (1990-2016) [Development of Tafsir Mawdu'i Studies in Malaysia (1990-2016)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 72–90.
- Sabar, B. R. (2010). Pendidikan Karakter Sebagai Upaya Menciptakan Akhlak Mulia. *Jurnal Pendidikan Dan Kebudayaan*, 16(3), 229–238.
- Syafaruddin. (2013). *Filsafat Ilmu* (4th ed.). Perdana Mulya Sarana.
- Yakan, F. (2017). *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Dewan Pustaka Fajar.
- Yulianto, R., & Baihaki, A. (2018). Islamisasi Ilmu Pengetahuan dalam Perspektif Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Al-Hikmah: Jurnal Studi Agama-Agama*, 4(1), 1–19. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- al-Zahabi, M. H. (1995). *al-Tafsir wa al-Mufasssirun* (6th ed.). Matba'ah al-Madaniy.
- Zawiyah Baba & Zuraidah Hassan. (2014). Analisis Bibliografi Karya HAMKA dalam Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(1), 93–101.